

**Pusat Media PRU-13 Di Pulau Pinang Mula Beroperasi
Bernama
9 April, 2013**

BUKIT MERTA JAM, 9 April (Bernama) -- Jabatan Penerangan Malaysia Pulau Pinang membuka pusat media khas untuk wartawan menjalankan tugas menghantar berita, gambar dan audio visual sempena pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Pengarah Jabatan Penerangan negeri Ishak Abdullah berkata pusat yang beroperasi di Rumah Tetamu Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh itu juga menyediakan pelbagai kemudahan komunikasi termasuk talian telefon, talian Internet, komputer dan faksimili mulai Selasa.

Katanya pusat itu mula beroperasi seawal 8 pagi hingga 12 tengah malam dan selepas penamaan calon ia beroperasi 24 jam sehari.

"Kami menyediakan persekitaran kerja yang kondusif untuk petugas media yang membuat liputan pilihan raya di Pulau Pinang dan mereka boleh datang untuk menggunakannya pada bila-bila masa," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Pusat Media PRU-13 di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Penyiaran Pulau Pinang Zaharudin Mohd Pilus dan Ketua Biro Bernama Pulau Pinang Azeman Ariffin serta Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya Pulau Pinang Azizan Ahmad.

Ishak berkata pusat media itu boleh dihubungi menerusi talian 04-5302440 atau 04-5301835 dan faks 04-5302351 atau Pegawai Perhubungan Awam JPMPP Anuar Asha'ari di talian 013-5030076.

"Pada pilihan raya lepas kita buka (pusat media) di bahagian pulau dan tahun ini memilih di sebelah Seberang kerana memudahkan petugas media yang mempunyai pejabat di sebelah sana (pulau) untuk menjalankan tugas di sini jadi tidak perlu bergegas untuk pulang ke pejabat (di bahagian pulau).

"Selain itu, kita juga menjangkakan akan berlaku persaingan sengit di Parlimen Permatang Pauh," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940713>